

DATE	22 / 8 / 2012	SECTION	National
PAGE	6	COLUMN	Semasa

Program Ehsan Ramadan Tabung Haji rai golongan kurang mampu

- OLEH OLI CHONG
(oli@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Lembaga Tabung Haji (TH) menganjurkan Program Ehsan Ramadan bagi meraikan mereka yang kurang berkemampuan dan yang kurang bernasib baik bagi tahun 2012, baru-baru ini.

Program yang telah diadakan di Dewan Sri Kinabalu, TAHA D' Bayu itu dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Sri Haji Nasir Tun Haji Sakaran.

Mereka yang dirai itu adalah golongan-golongan warga emas dan ibu tunggal. Sumbangan berupa duit raya telah diagih-agihkan kepada mereka yang disampaikan oleh Nasir.

Pengurus Besar Kanan bahagian Kewangan Korporat dan Perkhidmatan, Tuan Haji Tohd Hisham Harun, menerangkan objektif program itu adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kehadiran bulan Ramadhan.

Beliau turut menambah, ia juga adalah untuk mengajak orang ramai untuk bersama-sama bersedekah dan membantu golongan-golongan yang memerlukan.

Hisham juga menjelaskan penganjuran program TH ini juga adalah merupakan salah satu wadah perjuangan dan tanggungjawab

sosial (CSR) TH kepada masyarakat Islam di negeri Sabah untuk bersedekah kepada mereka yang memerlukan.

Turut hadir adalah Pengarah Tabung Haji Sabah, Nurlaila Hj Said dan Haji Muhamad Zaki Baljuri selaku Timbalan Pengarah TH Negeri Sabah.



KELIHATAN Nasir memberikan sumbangan Aidilfitri kepada salah seorang warga emas. Turut kelihatan di sebelah kiri beliau Pengarah Tabung Haji Sabah, Nurlaila.